

07 SEP 2003

Najib-Hadi

MEDIA TIDAK SALAH PETIK KENYATAAN AWAL HADI, KATA NAJIB

KUANTAN, 7 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tidak mungkin kenyataan awal Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mengatakan bahawa polis adalah "syaitan-syaitan bisu" di salah tafsirkan oleh media.

Beliau berkata Abdul Hadi menukar kenyataannya itu setelah menyedari bahawa beliau telah melakukan kesalahan dan membangkitkan kemarahan banyak pihak terutamanya polis.

"Tak mungkin kenyataan awal dia (Abdul Hadi) disalah petik oleh media, dia dah buat satu kesalahan dan nampaknya orang marah dengan kenyataan itu kemudian dia pusing ikut lain, sekarang dia kata pada ulama Umno pula," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung kenyataan Pemangku Presiden PAS itu yang menukar dakwaannya bahawa "syaitan-syaitan bisu" yang dimaksudkan beliau ditujukan kepada ulama Umno dan bukannya polis.

"Nampaknya itulah cara pemikiran pemimpin PAS yang tidak konsisten, hari ini cakap macam ini dan esok cakap lain," kata Najib yang juga anggota Parlimen kawasan Pekan.

Semalam, Abdul Hadi menukar dakwaan awal beliau bahawa "syaitan-syaitan bisu" yang dimaksudkan pada sidang Dewan Undangan Negeri baru-baru ini ditujukan kepada ulama Umno dan bukannya polis.

Pemangku Presiden PAS itu memberi alasan bahawa polis hanya bertindak sebagai pelaksana undang-undang dan bukannya jurucakap serta menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak memahami keseluruhan ucapannya.

Najib juga berkata PAS hanya menjadikan isu royalti kerajaan negeri sebagai alasan untuk tidak melaksanakan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Hudud dan Qisas di negeri itu.

"Itu alasan mereka sahaja, masalah utamanya ialah interpretasi Hudud yang telah dipertikaikan oleh orang ramai dan ramai ulama tidak setuju," katanya.

Sambil menyifatkan isu yang timbulkan oleh para pemimpin PAS sebagai permainan politik, beliau menegaskan bahawa perbuatan menghina dan menuduh seseorang dengan kata-kata kesat adalah tidak wajar dilakukan oleh seorang Islam.

"Sebenarnya kita jangan hina dan keluarkan kata-kata kesat, kita patut sebut apa sebenarnya yang kita tak setuju sama ada dari segi dasar atau pengisiannya," katanya.

-- BERNAMA

LIB DC RHM